

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 36

Ringgit dijangka cecah RM3.50 berbanding dolar Singapura

Ringgit dijangka cecah RM3.50 berbanding dolar Singapura

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Ringgit dijangka turun lemah berbanding dolar Singapura dengan penganalisis meramal ia boleh mencapai paras terendah RM3.49 menjelang akhir tahun ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penganalisis Ekonomi, Prof. Emeritus Dr. Barjaya Bardai berkata, pengukuran dolar Singapura didorong oleh kedudukan negara itu sebagai hab kewangan dunia.

Katanya, kedudukan itu memberi kekuatan kepada Singapura dari segi pengukuran asas ekonomi dan kewangan, seterusnya menjelaskan nilai ringgit.

Beliau berkata, berbeza dengan dolar Amerika Syarikat (AS), di mana ringgit diramal turus mengukuh dan boleh mencapai paras antara RM4.45 hingga RM4.50 hujung tahun ini.

Kelemahan dolar AS antara lain disebabkan pergolakan geopolitik yang berlaku, terutama membabitkan Israel-Palestin



DOLAR Singapura dijangka mengukuh nilai berbanding ringgit didorong kedudukan negara itu sebagai hab kewangan. - GAMBAR HIASAN

yang secara tidak langsung turut melibatkan negara kuasa besar itu.

Konflik yang berlaku telah mendorong pengukuran ringgit yang sebenarnya turut dipengaruhi oleh mata wang negara lain seperti China dan Jepun.

"Pengukuran mata wang China didorong oleh pengukuran ekonominya, yang merupakan kerakhan dagang utama Malaysia,

turut membantu mengukuhkan ringgit. Selain itu, mata wang tempatan turut disokong oleh pengukuran yen," katanya.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, prestasi ringgit dan Bursa Malaysia, kedua-duanya amat dipengaruhi oleh pasaran kewangian dunia, terutama oleh

naik atau turun kadar faedah Rizab Persekutuan (Fed) AS.

Menurut Aimi Zulhazmi, faktor-faktor lain seperti ketegangan krisis di Asia Barat, Eropah dan Asia Timur yang akan meningkatkan harga minyak mentah, turut memberi kesan kepada kadar inflasi dunia.

Tambah beliau, aliran pasaran mata wang ketika ini akan turut mengarahkan perhatian kepada AS sekiranya Fed me naikan lagi kadar faedah untuk mengawal inflasi.

"Sekiranya Fed menaikkan kadar faedah, pengurusan dana akan menjual mata wang asing termasuk ringgit dan membeli dolar.

"Tindakan ini akan menguatkan nilai dolar, ditambah dengan tindakan pelabur membeli bon-bon kerajaan AS yang menawarkan kadar faedah dan pulangan yang lebih tinggi."

"Perkembangan ini akan memberi kesan kepada ringgit dan pelabur di Bursa Malaysia akan menurun disebabkan langkah yang diambil oleh Fed," jelas beliau.

Ringgit pada Jumaat lalu me-

nambah nilai berbanding dolar AS kepada 4.7065/7105 daripada 4.7265/7320 seminggu sebelumnya.

Unit tempatan meningkat berbanding kebanyakannya mata wang utama.

Memetik laporan *Bernama*, ringgit dijangka diniagakan dalam mod berhati-hati berbanding dolar AS minggu ini, kerana peniaga mencari petunjuk baharu mengenai data ekonomi yang lebih ketara.

Ketua Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr. Mohd Afzizam Abdul Rashid dilaporkan berkata, tumpuan akan diberikan kepada indeks harga pengguna AS (CPI) dan data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi suku ketiga 2023 (3Q2023), yang akan diumumkan masing-masing pada 14 November dan 17 November.

"Anggaran pendahuluan yang dikeluarkan bulan lepas menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia telah berkembang pada kadar yang baik sebanyak 3.3 peratus selepas perlahan kepada 2.9 peratus pada suku sebelumnya," kata beliau.